

SPESIFIKASI TEKNIKAL

**PERKHIDMATAN PENDAFTARAN TANDA DAGANGAN NATIONAL MARK OF
MALAYSIAN BRAND BERWARNA (MALAYSIA)
&
MENGURUSKAN SEBARANG DOKUMENTASI / ISU / PERMASALAHAN
BERBANGKIT BAGI PROSES PEMFAILAN TANDA DAGANGAN NATIONAL
MARK OF MALAYSIAN BRAND (ANTARABANGSA) BAGI 23 BUAH NEGARA DI
BAWAH SISTEM WIPO MADRID**

1. OBJEKTIF

- 1.1. Mendapatkan pensijilan dan pendaftaran tanda dagangan ‘Malaysian Brand’ berwarna di Malaysia.
- 1.2. Memastikan dan menguruskan isu/dokumentasi tambahan bagi pendaftaran tanda dagangan yang telah didaftarkan di 23 buah negara selesai sehingga mendapat pensijilan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1. Menguruskan pendaftaran tanda dagangan di Malaysia (berwarna).
- 2.2. Penyediaan dokumentasi tambahan berhubung tindakan susulan yang perlu dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia berdasarkan maklumbalas daripada negara yang telah memproses pemfailan tanda dagangan.

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1. Bayaran dibuat secara berkala iaitu 3 kali pembayaran sepanjang perkhidmatan dilaksanakan dengan memenuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan oleh pihak SME Corp. Malaysia.
- 3.2. Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois daripada pembekal.
- 3.3. Projek ini akan mengambil tempoh sehingga dua puluh empat (24) bulan.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersetujuan seperti berikut:
 - 221615, 222007 dan 222008.
- 4.2. Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan.
- 4.3. Pihak SME Corp. Malaysia berhak untuk menamatkan kontrak atau meminda kos pembayaran yang telah dipersetujui antara SME Corp. Malaysia dan penyebutharga pada bila-bila masa sekiranya:
 - a) Tidak memenuhi Skop Perkhidmatan yang telah dipersetujui;
 - b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi kerja penerbitan; dan
 - c) Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.
- 4.4. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau kualiti berbeza daripada yang telah dipersetujui, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut:
$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$
- 4.5. Setiap penyebutharga perlu mengemukakan tawaran harga berdasarkan jumlah negara yang dinyatakan dalam spesifikasi.
- 4.6. Penyebutharga mestilah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
- 4.7. Penyebutharga mempunyai cawangan luar negara dan ejen yang berdaftar bagi proses yang melibatkan IP.

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL:**1) PENDAFTARAN TANDA DAGANGAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND BERWARNA (MALAYSIA)****&****2) MENGURUSKAN SEBARANG DOKUMENTASI / ISU / PERMASALAHAN BERBANGKIT BAGI PROSES PEMFAILAN TANDA DAGANGAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND (ANTARABANGSA) BAGI 23 BUAH NEGARA DI BAWAH SISTEM WIPO MADRID**

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK	
1.0	KRITERIA PEMBEKAL PERKHIDMATAN			
1.1	<p>Pembekal perkhidmatan memenuhi kelayakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat berdaftar secara sah di Malaysia dan merupakan ejen yang berdaftar di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). ii. Beroperasi di premis perniagaan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) <u>DAN</u> mempunyai beberapa cawangan atau pejabat yang beroperasi di luar negara. iii. Berpengalaman luas dalam mengendalikan perkhidmatan yang berkaitan tanda dagangan dan harta intelek. iv. Mempunyai pengalaman berurus dengan pelanggan seperti agensi kerajaan, sektor swasta, kolej & universiti serta syarikat kecil dan sederhana (PKS). 			

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK	
	v. Pernah melaksanakan program/projek yang hampir sama anjuran SME Corp. Malaysia serta Agensi/Syarikat lain dan merekodkan prestasi/kerjasama baik dengan SME Corp. Malaysia.			
2.0	MENGURUSKAN PENDAFTARAN TANDA DAGANGAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND BERWARNA (MALAYSIA)			
2.1	Pembekal perkhidmatan akan menjalankan sebarang aktiviti di bawah skop projek Pendaftaran Tanda Dagangan National Mark of Malaysian Brand yang Berwarna (MALAYSIA). Antara tugas-tugas yang terlibat termasuk tetapi tidak terhad kepada: a) Menyediakan dan menjalankan perkhidmatan pendaftaran, pemfailan atau sebarang aktiviti tanda dagangan National Mark of Malaysian Brand di Malaysia bagi tanda dagangan yang berwarna sehingga mendapat sijil. b) Menguruskan sebarang isu atau permasalahan berbangkit sekiranya ada.			

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)																								
		YA	TIDAK																									
3.0	MENGURUSKAN SEBARANG ISU ATAU PERMASALAHAN BERBANGKIT BAGI PROSES PEMFAILAN TANDA DAGANGAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND (ANTARABANGSA) BAGI 23 BUAH NEGARA DI BAWAH SISTEM WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION (WIPO) MADRID																											
3.1	<p>Pembekal perkhidmatan akan menjalankan sebarang aktiviti di bawah skop projek Pemfailan Tanda Dagangan National Mark of Malaysian Brand (Antarabangsa) bagi 23 buah Negara di bawah WIPO Madrid. Senarai 23 negara adalah seperti dibawah:</p> <table><tbody><tr><td>1. Australia</td><td>12. India</td></tr><tr><td>2. Jepun</td><td>13. Indonesia</td></tr><tr><td>3. Singapura</td><td>14. Itali</td></tr><tr><td>4. Amerika Syarikat</td><td>15. Mexico</td></tr><tr><td>5. Brunei Darussalam</td><td>16. New Zealand</td></tr><tr><td>6. Kemboja</td><td>17. Filipina</td></tr><tr><td>7. Kanada</td><td>18. Republik Korea</td></tr><tr><td>8. Perancis</td><td>19. Persekutuan Rusia</td></tr><tr><td>9. Georgia</td><td>20. Thailand</td></tr><tr><td>10. Jerman</td><td>21. Turki</td></tr><tr><td>11. Hungary</td><td>22. United Kingdom</td></tr><tr><td></td><td>23. Vietnam</td></tr></tbody></table> <p>Antara tugas-tugas yang terlibat termasuk tetapi tidak terhad kepada:</p>	1. Australia	12. India	2. Jepun	13. Indonesia	3. Singapura	14. Itali	4. Amerika Syarikat	15. Mexico	5. Brunei Darussalam	16. New Zealand	6. Kemboja	17. Filipina	7. Kanada	18. Republik Korea	8. Perancis	19. Persekutuan Rusia	9. Georgia	20. Thailand	10. Jerman	21. Turki	11. Hungary	22. United Kingdom		23. Vietnam			
1. Australia	12. India																											
2. Jepun	13. Indonesia																											
3. Singapura	14. Itali																											
4. Amerika Syarikat	15. Mexico																											
5. Brunei Darussalam	16. New Zealand																											
6. Kemboja	17. Filipina																											
7. Kanada	18. Republik Korea																											
8. Perancis	19. Persekutuan Rusia																											
9. Georgia	20. Thailand																											
10. Jerman	21. Turki																											
11. Hungary	22. United Kingdom																											
	23. Vietnam																											

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK	
	<p>a) Mengeluarkan salinan penolakan sementara daripada pejabat Harta Intelek luar negara (IPO) masing-masing; <i>To extract copies of the provisional refusal from the respective overseas Intellectual Property office (IPO);</i></p> <p>b) Untuk mengkaji semula penolakan dan menyediakan penyelesaian dalam menangani isu penolakan serta memberi nasihat mengenai keperluan dan tarikh akhir; <i>To review the nature of refusal and provide a solution in overcoming the refusal as well as advise on the deadlines and requirements;</i></p> <p>c) Mengemukakan maklum balas dan dokumen yang diperlukan di IPO berdasarkan alasan penolakan dalam tarikh akhir yang ditetapkan; <i>Submitting the necessary response and documents at the IPO based on the grounds of refusal within the stipulated deadline;</i></p> <p>d) Menyediakan salinan akuan terima / bukti memfailkan rayuan dan menasihati tarikh akhir seterusnya (jika ada) dan/atau langkah dalam proses rayuan;</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK	
	<p><i>Providing the acknowledgement copies / proof of filing the appeal and advise on the next deadline (if any) and/or step in the appeal process;</i></p> <p>e) Mengambil tindakan susulan dengan IPO mengenai status rayuan dan mengemaskini serta memberi nasihat mengenai status semasa proses rayuan/permohonan; <i>To follow up with IPO on the status of appeal and advice on current status of the appeal/application process;</i></p> <p>f) Jika rayuan berjaya, dapatkan salinan Penyata Pemberian (pemberitahuan pendaftaran) dan mengurus semua perkara yang berkaitan dengannya; DAN <i>If the appeal is successful, to obtain copies of the Statement of Grant (registration notification) and attending to all incidentals thereto;</i></p> <p>g) Menguruskan sebarang isu atau permasalahan berbangkit sekiranya ada.</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK	
4.0	TERMA DAN SYARAT			
4.1	<p>i. Kaedah Pembayaran:</p> <ul style="list-style-type: none">- Pembayaran akan disalurkan kepada syarikat sebanyak tiga (3) kali pembayaran sepanjang tempoh lantikan. <p>ii. Tempoh Projek:</p> <ul style="list-style-type: none">- Kedua-dua projek ini mengambil masa dua (2) tahun bermula tarikh dilantik sebagai pembekal perkhidmatan.			

* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING:

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjasaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Projek berlangsung.

LAMPIRAN A

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :